

Penglibatan Masyarakat Orang Asli dalam Gerakan Koperasi di Malaysia

Juliana Hj Md Yusop
Pusat Perakaunan dan Kewangan

"Orang Asli adalah masyarakat peribumi yang paling awal mendiami Semenanjung Malaysia, dipercayai semenjak abad ke-8 sebelum Masihi, iaitu kira-kira 10,000 tahun yang lalu" (Fauzi, 2006).

Pengenalan

Koperasi merupakan sebuah gerakan yang telah terbukti dapat meningkatkan taraf ekonomi, sosial dan budaya masyarakat setempat bagi kebanyakan negara di dunia. Mengambil peluang kelebihan peranan yang dimainkan oleh gerakan koperasi terhadap peningkatan ekonomi, maka kerajaan Malaysia melalui Kementerian Perdagangan dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah mengambil inisiatif untuk menggalakkan penubuhan koperasi oleh kelompok masyarakat yang berada pada paras kemiskinan tegar iaitu masyarakat Orang Asli.

Mantan Menteri di KPDNKK, Datuk Seri Ismail Sabri menyarankan supaya masyarakat Orang Asli menubuhkan koperasi. Menurut beliau selain membantu menambah pendapatan mereka, koperasi yang ditubuhkan oleh masyarakat Orang Asli juga mampu memainkan peranan dalam membantu kerajaan meningkatkan hasil negara secara umumnya.

Masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia

Orang Asli adalah masyarakat peribumi yang paling awal mendiami Semenanjung Malaysia, dipercayai semenjak abad ke-8 sebelum Masihi, iaitu kira-kira 10,000 tahun yang lalu (Fauzi, 2006). Mereka dikatakan berasal dari China dan Tibet yang menyusur laluan penghijrahan melalui tanah besar Asia Tenggara sebelum bertapak di Semenanjung Tanah Melayu dan Kepulauan Indonesia.

Merujuk kepada seksyen 3 (1) (a)-(c) Akta Orang Asli 1954 (pindaan 1974) mendefinisikan Orang Asli sebagai individu yang menepati empat syarat utama berikut:

- a. Mana-mana orang yang bapanya adalah daripada rumpun bangsa Orang Asli yang bercakap dalam bahasa Orang Asli yang lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat serta kepercayaan. Ini termasuklah keturunan Orang Asli itu; mana-mana orang dari apa-apa kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa masih kanak-kanak oleh Orang Asli dan adalah seseorang daripada sesuatu masyarakat Orang Asli.
- b. Anak dari apa-apa persatuan antara seseorang perempuan Orang Asli dengan seseorang lelaki daripada kaum lain dengan syarat bahawa anak itu lazim bercakap dalam bahasa Orang Asli yang adat dan kepercayaan Orang Asli yang masih lagi menjadi seseorang daripada sesuatu masyarakat Orang Asli.
- c. Mana-mana Orang Asli yang tidak lagi berpegang kepada kepercayaan Orang Asli kerana ia telah masuk sesuatu agama atau oleh kerana apa-apa sebab lain, ia masih mengikut cara hidup Orang Asli serta bercakap dalam bahasa Orang Asli tidak boleh disifatkan sebagai tidak lagi menjadi seseorang Orang Asli semata-mata oleh sebab ia mungkin mengamalkan agama itu.
- d. Apa-apa Orang Asli sama ada seseorang adalah Orang Asli atau bukan Orang Asli hendaklah diputuskan oleh Menteri.

Istilah Orang Asli yang ditafsirkan dalam akta tersebut hanya boleh diguna pakai bagi menjelaskan status warga peribumi di Semenanjung Malaysia sahaja. Manakala bagi warga peribumi di Malaysia Timur, mereka diistilahkan sebagai masyarakat bumiputera (Khairul Hisyam et. al, 2007; Hasan Mat Nor, 1998).

Kamus Dewan pula mentakrifkan peribumi sebagai "penduduk asli" dan juga bumiputera (DBP, 1964). Begitu juga kamus Longman (edisi kedua, 1997) yang mentakrifkan peribumi sebagai *aboriginal* iaitu para penduduk asal (aborigines) yang telah wujud di sesuatu negeri sejak awal lagi. Dalam konteks ini, dapat difahami bahawa peribumi merupakan istilah umum yang digunakan bagi merujuk kepada semua kelompok manusia yang dianggap sebagai penghuni asal atau terawal di Malaysia.

Manakala, di bawah istilah peribumi ini barulah muncul dua istilah yang lebih spesifik digunakan bagi membezakan status kumpulan-kumpulan para penduduk asal ini iaitu bumiputera dan Orang Asli. Hasan Mat Nor (1998) telah mengemukakan takrifan masyarakat peribumi menurut klasifikasi perundangan di mana terdapat dua kelompok warga peribumi di Malaysia iaitu bumiputera dan Orang Asli. Menurut beliau, kumpulan kaum yang diklasifikasikan sebagai bumiputera adalah meliputi Orang Melayu di Semenanjung; Orang Melayu, Iban, Bidayuh, Kayan, Kenyah, Kelabit, Melanau, Murut serta penduduk-penduduk natif lain di Sarawak; dan Orang Melayu, Kadazan, Dusun, Bajau dan penduduk-penduduk natif lain di Sabah. Manakala Orang Asli pula meliputi tiga kelompok etnik utama dikenal sebagai Negrito, Senoi dan Melayu-Proto (Hasan Mat Nor, 1998; Sunaidin, 1997). Pengkaji terkemudian seperti Nicholas (2000) mentakrifkan panggilan Orang Asli bermaksud "tulen" atau "masyarakat pertama" yang mendiami Semenanjung Malaysia.

Terdapat tiga suku kaum utama dalam komuniti Orang Asli iaitu Senoi, Melayu-Proto dan Negrito. Setiap kaum tersebut pula mempunyai enam suku bangsa. Oleh itu, Orang Asli di Malaysia terdiri daripada 18 suku bangsa kesemuanya. Jadual 1 menunjukkan perincian suku kaum Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

Jadual 1: Suku Kaum Orang Asli di Semenanjung Malaysia

KAUM	SUKU KAUM
Senoi	Semai
	Temiar
	Jahut
	Che Wong
	Mahmeri
	Semoq Beri
Melayu-Proto	Temuan
	Semelai
	Jakun
	Kanaq
	Kuala
	Seletar

Negrito	Kensiu
	Kintak
	Jahai
	Lanoh
	Mendriq
	Bateq

Sumber: JAKOA 2011a. *Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2011-2015*.

Sebahagian besar masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia masih tinggal di kawasan pedalaman. Taburan penempatan tiga suku kaum utama yang dipaparkan dalam Jadual 1 terbahagi kepada tiga zon iaitu: zon utara, zon tengah dan zon selatan. Zon utara majoritinya diduduki oleh suku kaum Negrito. Manakala zon tengah pula diduduki oleh suku kaum Senoi dan zon selatan pula diduduki oleh suku kaum Melayu-Proto (JAKOA, 2011). Rajah 1 menunjukkan taburan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia (JHEOA, 1990).



Rajah 1: Taburan penduduk Orang Asli Semenanjung Malaysia

Daripada taburan masyarakat Orang Asli yang dipaparkan dalam Rajah 1, negeri Pahang mempunyai bilangan penduduk Orang Asli yang paling ramai iaitu 67,503 orang diikuti oleh Perak seramai 53,299 orang. Manakala bilangan penduduk Orang Asli di negeri Melaka, Terengganu dan Kedah sangat sedikit, iaitu kurang satu peratus daripada jumlah keseluruhan Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Tiada Orang Asli dicatatkan di negeri Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Bilangan penduduk Orang Asli

Jadual 2: Jumlah Penduduk Orang Asli Mengikut Kaum dan Negeri bagi Tahun 2010

NEGERI	SUKU KAUM			JUMLAH
	NEGRITO	SENOI	MELAYU-PROTO	
Pahang	925	29,439	37,142	67,506
Perak	2,413	50,281	605	53,299
Kedah	251	19	0	270
Selangor	3	5,073	12,511	17,587
Kelantan	1,381	12,047	29	13,457
Terengganu	34	818	41	893
N. Sembilan	0	96	10,435	10,531
Melaka	1	28	1,486	1,515
Johor	1	55	13,083	13,139
Jumlah	5,009	97,856	75,332	178,197

Sumber: Sistem Maklumat e-Damak JAKOA, 2010

bagi semua negeri di Semenanjung Malaysia bagi tahun 2010 dipaparkan dalam Jadual 2.

Kedudukan Ekonomi Masyarakat Orang Asli

Kemiskinan menjadi isu utama masyarakat Orang Asli. Isu ini sering dikaitkan sebagai punca atau penghalang kepada isu-isu pembangunan Orang Asli yang lain khususnya isu pendidikan serta kesihatan. Kemiskinan di kalangan masyarakat Orang Asli dikatakan turut memberi impak kepada negara secara umumnya.

Berdasarkan beberapa kajian yang dijalankan, pergantungan terhadap sumber-sumber ekonomi tradisional merupakan faktor utama yang menghalang kepada usaha perkembangan tahap pendapatan serta kualiti hidup yang lebih baik. Khairul Hisyam et.

al, (2007) mengatakan sebahagian besar daripada masyarakat Orang Asli masih lagi berada di tahap kemiskinan dan miskin tegar adalah disebabkan mereka masih mengekalkan sistem ekonomi secara tradisi yang berasaskan sara diri dan pergantungan terhadap sumber hutan seperti rotan, damar, gaharu selain menangkap ikan dan memburu atau menjerat haiwan misalnya landak, babi, pelanduk dan kijang (Mustaffa, 2004; Siti Nor Awang dan Juli Edo, 2003). Sehubungan itu, menurut Zahid, Maifrof, Ghazali dan Abdul Halim (1996), kegiatan ekonomi Orang Asli yang berasaskan kepada sumber tradisional tidak dapat menjamin pulangan pendapatan yang tetap dan stabil kepada mereka kerana harga pasaran yang rendah atau ditipu oleh pihak tengah yang mengawal harga barang yang dijual.

Menerusi Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2011-2015, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah menetapkan sasaran pengurangan kadar kemiskinan daripada 31 peratus pada tahun 2010 kepada 25 peratus pada tahun 2015. Sasaran ini meliputi peningkatan pendapatan kepada golongan sasaran yang berpendapatan RM2,300 ke bawah. Bagi mencapai sasaran tersebut, JAKOA telah merangka beberapa strategi dan pelan tindakan bagi pembangunan ekonomi masyarakat Orang Asli antaranya memperkasakan koperasi Orang Asli melalui kerjasama dengan agensi dan badan-badan koperasi seperti Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Maktab Koperasi Malaysia (MKM) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA).



Anggota Koperasi Ulu Tibang Berhad bergambar bersama penulis

Koperasi Orang Asli di Malaysia

Menyedari kepentingan koperasi sebagai wadah meningkatkan ekonomi masyarakat maka JAKOA dalam Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2011-2015 telah merangka strategi memperkasa koperasi yang ditubuhkan oleh masyarakat Orang Asli dalam teras dua iaitu "Menggerakkan kegiatan ekonomi dan industri berdaya maju, berdaya saing dan berdaya tahan secara bersepadu".

Selari dengan strategi yang dirancang, JAKOA telah menggalakkan masyarakat Orang Asli untuk menubuhkan koperasi bagi melaksanakan aktiviti ekonomi yang memfokuskan kepada peningkatan kedudukan ekonomi masyarakat Orang Asli. Peranan yang dimainkan oleh JAKOA serta hasil kesedaran masyarakat Orang Asli tentang manfaat koperasi telah berjaya mendaftarkan sebanyak 55 buah koperasi Orang Asli dengan bilangan anggota seramai 15,592 orang sehingga Julai 2012. Jadual 3 menunjukkan bilangan koperasi Orang Asli sehingga 31 Julai 2012.

Berdasarkan Jadual 3, negeri Pahang mempunyai bilangan koperasi yang terbanyak iaitu kira-kira 28 buah koperasi, diikuti oleh negeri Perak sebanyak 16 buah koperasi, dan seterusnya negeri Kelantan, Selangor dan Johor dengan masing-masing mempunyai empat

buah, tiga buah dan dua buah koperasi Orang Asli. Seterusnya bagi Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan masing-masing hanya mempunyai sebuah koperasi Orang Asli. Manakala bagi negeri Kedah, Melaka, Perlis, Pulau Pinang dan Terengganu masih belum ada koperasi Orang Asli yang didaftarkan di negeri-negeri berkenaan.

Dari segi keanggotaan pula, seramai 15,592 orang masyarakat Orang Asli telah menjadi anggota koperasi berdaftar di Malaysia. Negeri Pahang mempunyai anggota koperasi Orang Asli paling ramai iaitu kira-kira 4,422 orang, diikuti oleh Wilayah Persekutuan seramai 3,178 orang, seterusnya negeri Kelantan seramai 2,917 orang, negeri Johor seramai 2,248 orang, negeri Perak seramai 1,993 orang, negeri Selangor seramai 438 orang dan Negeri Sembilan seramai 396 orang anggota koperasi.

Aktiviti Ekonomi Koperasi Orang Asli

Kegiatan ekonomi masyarakat Orang Asli pada masa kini banyak dipengaruhi oleh persekitaran tempat tinggal, sikap terhadap pembangunan dan perubahan, pergaulan dengan masyarakat setempat dan kesedaran

Jadual 3: Bilangan Koperasi Orang Asli sehingga 31 Julai 2012

BIL	NEGERI	BILANGAN KOPERASI ORANG ASLI (BUAH)	BILANGAN ANGGOTA (ORANG)
1	Pahang	28	4,422
2	Perak	16	1,993
3	Kelantan	4	2,917
4	Selangor	3	438
5	Johor	2	2,248
6	Wilayah Persekutuan	1	3,178
7	Negeri Sembilan	1	396
8	Kedah	0	0
9	Melaka	0	0
10	Perlis	0	0
11	Pulau Pinang	0	0
12	Terengganu	0	0
Jumlah		55	15,592

Sumber: JAKOA, 2012



Contoh produk kraf tangan yang dihasilkan oleh masyarakat Orang Asli yang boleh dipasarkan melalui koperasi



Hasil hutan yang boleh dipasarkan melalui koperasi

terhadap penggunaan wang dalam urusan harian mereka (Tunisan Seman, 2002). Dahulu masyarakat Orang Asli banyak menjalankan aktiviti ekonomi berbentuk sara diri, kini sebahagian mereka telah mula melibatkan diri dengan kegiatan ekonomi yang lebih produktif, khususnya dalam projek berasaskan pertanian, sama ada sebagai petani, usahawan atau pekerja dengan agensi kerajaan atau syarikat yang menjalankan projek pembangunan tanah bagi penanaman getah dan sawit di kawasan penempatan Orang Asli.

Berdasarkan sumber JAKOA, kebanyakan koperasi yang diasaskan oleh masyarakat Orang Asli menjalankan

aktiviti ekonomi dalam fungsi pertanian dan perladangan. Ini kerana melalui koperasi mereka diberi kepercayaan oleh JAKOA untuk menguruskan ladang getah dan kelapa sawit yang ditanam di atas tanah rizab masyarakat Orang Asli. Antara program yang telah dilaksanakan oleh JAKOA dengan melibatkan koperasi Orang Asli adalah Projek Pembangunan Ladang. Melalui projek tersebut JAKOA telah menyasarkan 7,000 hektar ladang dibangunkan bermula tahun 2011 hingga 2015 yang akan melibatkan kos sebanyak RM86.1 juta. Projek seumpama ini dijangka dapat meningkatkan kedudukan ekonomi masyarakat Orang Asli melalui aktiviti perladangan yang dilaksanakan oleh koperasi.

Jadual 4: Koperasi Contoh Masyarakat Orang Asli

BIL	TAHUN & NEGERI DAFTAR	NAMA KOPERASI	FUNGSI / AKTIVITI
1	1971 Wilayah Persekutuan	Koperasi Kijang Mas Berhad	Kontrak, Permit Teksi, Pengangkutan Sekolah, Perladangan, Pinjaman, Pengguna
2	1988 Pahang	Koperasi Kijang Mas Negeri Pahang Berhad	Perladangan, Pelancongan, Pembalakan, Pengguna
3	1992 Johor	Koperasi Daya Asli Johor Berhad	Pembekalan Am, Perkhidmatan, Pengangkutan, Pertanian
4	1992 Kelantan	Koperasi Kijang Mas Negeri Kelantan Berhad	Perladangan, Pembekalan, Pengangkutan, Kedai Runcit, Kraf tangan, Pengguna
5	1998 Selangor	Koperasi Asli Selangor Berhad	Pertanian, Perkhidmatan
6	2000 Negeri Sembilan	Koperasi Warga Asli Negeri Sembilan dan Melaka Berhad	Pembekalan Am, Perkhidmatan, Pembinaan, Pengguna
7	2007 Perak	Koperasi Penduduk Tangkai Cermin Kinta Berhad	Perladangan, Peruncitan, Perkhidmatan

Koperasi Contoh Masyarakat Orang Asli

Bagi menggalakkan daya saing antara koperasi, JAKOA telah mengambil inisiatif untuk mengenal pasti dan menyenaraikan koperasi Orang Asli yang boleh dijadikan contoh bagi koperasi masyarakat Orang Asli lain terutamanya yang baru ditubuhkan. Terdapat tujuh daripada 55 buah koperasi Orang Asli yang telah disenaraikan sebagai koperasi contoh dalam kalangan masyarakat Orang Asli seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.

Kesimpulan

Penubuhan koperasi dalam kalangan masyarakat Orang Asli akan membantu meningkatkan taraf sosioekonomi mereka yang seterusnya akan mengurangkan kadar kemiskinan tegar yang menjadi faktor utama kemunduran mereka dalam aspek lain seperti pendidikan dan kesihatan. Melalui koperasi, masyarakat Orang Asli dapat bergerak secara berkumpulan untuk melaksanakan aktiviti ekonomi melalui modal saham yang dikumpulkan. Seterusnya melalui keuntungan yang diperolehi daripada perniagaan yang dimiliki bersama dapat digunakan untuk melaksanakan aktiviti sosial dan budaya yang akan melahirkan kehidupan sejahtera masyarakat Orang Asli.

Rujukan

- Dewan Bahasa dan Pustaka. (1964). *Kamus Inggeris-Melayu Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun, M., & Fauzi, M. (2006). Kemiskinan bandar: kajian kes masyarakat Orang Asli di negeri Perak.
- Hasan Mat Nor. (1998). Warga pribumi menghadapi cabaran pembangunan. *Kertas Kadangkala*, 8. Jabatan Antropologi & Sosiologi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2011). *Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2011 - 2015*. Kuala Lumpur: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Jabatan Kemajuan Orang Asli.
- JAKOA. (2010). Sistem Maklumat e-Damak.
- JHEOA. (1990). *Data Tanah*. Kuala Lumpur: Kementerian Dalam Negeri.
- Khairul Hisyam Kamarudin & Ibrahim Ngah. (2007). *Pembangunan mapan Orang Asli*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamus Dwibahasa. (1997). Kuala Lumpur: Pearson, Malaysia.
- Mustaffa Omar. (2004). Dampak ekonomi daripada rancangan penempatan semula komuniti Jakun di Mukim Bekok, Segamat, Johor. *Kertas Prosiding Seminar Hasil Penyelidikan Peringkat Kebangsaan*. Unit of Research Development & Commercialization (URDC), UiTM Johor.
- Nicholas, C. (2000). The Orang Asli and the contest for resources. *Indigenous Politics, Development And Identity In Peninsular Malaysia*. Copenhagen. Denmark: International Work Group For Indigenous Affairs.
- Sunaidin San Ka Chang. (1997). Ke arah peningkatan taraf hidup penduduk Orang Asli Simpang Arang dalam konteks pembangunan Bandar Nusajaya. *Tesis Sarjana Muda*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Siti Nor Awang & Juli Edo. (2003). *Isu Pembangunan dan dampak sosial dalam kalangan masyarakat Orang Asli*. Mohd Razali Agus & Yahya Ibrahim (pnyt.). *Penilaian Dampak Sosial* (hal. 278-290). Klang: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Tunisan Seman. (2002) *Kajian sosio-ekonomi masyarakat Orang Asli: kajian kes terhadap masyarakat Orang Asli di Penempatan Batu 12, Gombak*: Selangor.
- Undang-Undang Malaysia Akta 134*. (1974). (Akta Orang Asli 1954 disemak 1974).
- Zahid Emby, Maíarof Redzuan, Ghazali Basri, dan Abdul Halim Hamid. (1996). *Rancangan pengumpulan semula: kesannya ke atas masyarakat dan budaya Orang Asli di Perak*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.